


Setinggian warga asing perlu diambil tindakan



● Kawasan setinggian haram milik warga asing yang didakwa penduduk menunjukkan kelemahan pihak berkuasa.

SEGAMBUT - Masalah setinggian haram milik warga asing di Taman Sri Segambut bukanlah masalah baru malah lebih mengecewakan penduduk tempatan apabila penempatan yang didiami warga Indonesia itu mempunyai kemudahan bekalan air dan juga elektrik.

Kisah warga asing ditatang bagaikan minyak yang penuh seolah-olah memperlihatkan bahawa apa yang mereka buat itu benar dan tidak salah di sisi undang-undang menyebabkan penduduk tempatan kini mempersoalkan sejauh mana tindakan pihak berwajib menangani permasalahan itu.

Seorang penduduk yang ditemui di sini, Hisham Abdul Samad, 40, berkata,

masalah setinggian haram milik warga asing menyebabkan penduduk kini dihimpit kebimbangan berikutan beberapa masalah yang timbul ekoran daripada kewujudan setinggian tersebut.

"Kita amat berharap kepada pihak berwajib akan mengambil tindakan terhadap setinggian ini kerana jika tidak penduduk tempatan akan menganggap pihak berkuasa tidak bekerja kerana masalah ini sudah lama berlaku seolah-olah mendapat kebenaran khas mereka bermastautin di sini," katanya.

"Mereka (penghuni rumah setinggian) turut mengambil air yang dicuri dan ianya seolah-olah mencuri

hak orang lain dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Manakala, Zaid Abdul Rahman, 45, pula berharap agar tindakan segera dapat diambil kerana penduduk mula mempertikaikan mengenai saluran air kumbahan penduduk di situ.

"Kita tidak tahu di mana dia menyalurkan air kumbahan dan setelah diperiksa rupanya mereka membuang air tersebut ke dalam longkang besar dan ianya tidak praktikal dan mengotorkan kawasan berdekatan seterusnya mampu mengundang pelbagai penyakit sekiranya ianya tidak dipantau segera.

"Jika keadaan seperti ini

terus berlaku penduduk kluatir tahap kebersihan di kawasan taman perumahan yang padat dengan penduduk akan kotor dan menjadi tempat merebaknya pelbagai jenis penyakit," katanya.

Sementara itu Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat dan Hal Ehwat Awam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Abdul Halem Mat Som ketika dihubungi berkata, pihaknya akan menyiasat berhubung dakwaan yang mengatakan penghuni setinggian membuat penyambungan air haram.

"Kita akan menyiasat perkara ini dan jika sekiranya benar dakwaan itu penghuni setinggian akan dikenakan tindakan setimpal," katanya.

**penduduk
kecewa**